

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya
No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

HARGA RUNCIT AYAM DI PASARAN

PUTRAJAYA, 29 OGOS 2023 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengambil maklum kepada laporan akhbar yang disiarkan di akhbar Sinar Harian menggunakan tajuk ‘Kadang-kadang turun, tapi selalunya naik’. Tajuk yang dipilih tentunya mengundang keresahan di kalangan pembaca dan pengguna dan laporan yang diberikan malangnya tidak menggunakan data yang betul dan terkini.

2. **KPDN** ingin mengambil kesempatan ini untuk memurnikan beberapa kekeliruan yang terbit dari laporan dan tajuk tersebut. Terima kasih kepada wartawan yang memetik bahawa harga ayam bulat standard dan super termasuk di bawah harga kawalan yang ditetapkan oleh Kerajaan sejak 12 Oktober 2022 dan masih berkuatkuasa hingga ke hari ini. **Harga Ayam Standard ialah RM9.40/kg dan Harga Ayam Super ialah RM10.40/kg di Semenanjung Malaysia.**
3. Adalah menjadi satu kesalahan di bawah **Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011 jika seseorang peniaga menjual ayam standard dan ayam super melebihi dari Harga Kawalan yang telah ditetapkan**. Pengguna dan juga wartawan digalakkan membuat aduan di pelbagai saluran aduan rasmi KPDN jika mereka mempunyai maklumat berkenaan peniaga yang menjual ayam standard dan super melebihi harga kawalan.
4. Jika disabitkan kesalahan di bawah **AKHAP 2011**, individu boleh dikenakan denda (seksyen18) tidak melebihi RM 100,000 atau di penjara selama tempoh tidak lebih dari 3 tahun atau kedua-duanya. Dan kesalahan kali kedua atau berikutnya, denda tidak melebihi RM250,000 atau penjara selama tempoh tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya. Sekiranya kesalahan dilakukan oleh syarikat

pula denda tidak lebih dari RM500,000 dan kesalahan kali kedua atau berikutnya tidak melebihi satu juta Ringgit Malaysia.

5. Sehubungan dengan itu, berdasarkan pemantauan pihak Penguat Kuasa dan lebih 900 Pegawai Pemantau Harga KPDN setiap hari melibatkan hampir 1,500 premis meliputi Pasar Basah, *Hypermarket* dan *Supermarket*, Pasar Mini dan Kedai Runcit di seluruh Malaysia, data yang **KPDN** perolehi hasil dari tindakan pemantauan harga seluruh negara menunjukkan bahawa dalam 2 minggu kebelakangan ini, dari tarikh **12 Ogos 2023 sehingga 26 Ogos 2023**, **harga purata ayam standard di semenanjung Malaysia menunjukkan penurunan sebanyak 0.33%**. Harga purata ayam standard di Semenanjung pada **12 Ogos 2023 iaitu RM8.73/kg menurun kepada RM8.70/kg pada 26 Ogos 2023**. Manakala di Sabah dan Sarawak juga menunjukkan penurunan harga purata iaitu masing-masing sebanyak **0.12% (Sabah)** iaitu dari **RM 11.30/kg kepada RM11.29/kg** dan **turun sebanyak 0.47% (Sarawak)** iaitu dari **RM10.28/kg kepada RM10.23/kg** bagi tempoh yang sama.

6. **KPDN berharap wartawan menghubungi KPDN untuk mendapat data yang tepat dan terkini** untuk mengelakkan kekeliruan dan mungkin membangkitkan keresahan di kalangan pengguna. Artikel tersebut merujuk kepada statistik IHP bulan Februari 2023 keluaran Jabatan Statistik Malaysia (DOSM) dan membandingkan dengan data bulan yang sama tahun 2022 sedangkan data terbaru sehingga Julai 2023 telah pun dikeluarkan oleh DOSM.

7. Untuk makluman, **harga purata ayam standard di pasaran pada bulan Februari 2023 adalah stabil pada harga kawalan dan trend penurunan mula dilihat mulai Julai sehingga Ogos 2023 dengan harga purata terendah dicatatkan pada 4 ogos 2023 di Semenanjung iaitu RM8.11/kg**. Selari dengan itu juga, kadar inflasi terus mereda beserta dengan Indeks Harga Pengguna berada dalam jajaran menurun.

8. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru pengguna untuk menjadi pengguna yang bijak dengan membuat perbandingan harga terlebih dahulu sebelum berbelanja. Untuk itu, **pengguna disarankan untuk menggunakan aplikasi PriceCatcher untuk mendapatkan maklumat terkini harga barang keperluan harian di premis jualan di kawasan anda**.

9. Pengguna juga boleh memainkan peranan dan menggunakan hak pengguna dalam menyalurkan maklumat dan aduan sekiranya didapati peniaga yang tidak patuh kepada harga kawalan. Sekiranya ada di dapati peniaga yang tidak patuh kepada harga kawalan, maka pengguna boleh juga membuat aduan kepada KPDN melalui cara berikut;

- i. WhatsApp 019-279 4317 / 019-848 8000;
- ii. Portal e-Aduan KPDN iaitu <http://eaduan.kpdn.gov.my>;
- iii. Call Centre 1-800-886-800;
- iv. E-mel (e-aduan@kpdn.gov.my);
- v. Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN;
- vi. Bilik Gerakan Penguatkuasaan 03-8882 6088 / 6245, dan;
- vii. Kod QR Aduan Suri;



**YB SENATOR PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH,
TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM
NEGERI DAN KOS SARA HIDUP,
PUTRAJAYA, 29 OGOS 2023.**

###

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam Negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidaktentuan. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampung sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDN:



Perbadanan Harta Intelek Malaysia
Intellectual Property Corporation of Malaysia



SURUHANJAYA PEREAINGAN MALAYSIA
MAI-AYUA COMPETITION COMMISSION